

**Rosmah rasmi taman asuhan PDRM
Utusan Online
13 April, 2012**

KUALA LUMPUR 12 April - Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor merasmikan taman asuhan kanak-kanak (taska) khusus bagi kemudahan anak-anak anggota dan pegawai yang bertugas di ibu pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman di sini hari ini.

Rosmah turut diiringi isteri Menteri Dalam Negeri, Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah dan isteri Ketua Polis Negara, Puan Sri Suriati Md. Sobri merangkap Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (Perkep).

Pada majlis itu, beliau turut mengambil kesempatan meninjau operasi Taska PDRM yang mula beroperasi pada 9 April lalu dengan kos pembinaan sebanyak RM60,000.

Rosmah turut mengambil kesempatan bermesra dengan kanak-kanak yang ditempatkan di taman asuhan tersebut yang berusia antara satu hingga empat tahun.

Sementara itu, Pengurus taska, Nurli Sulaiman, 28, berkata, setakat ini, seramai 13 kanak-kanak sudah mendaftar masuk ke pusat asuhan itu yang menampung seramai 30 orang.

Katanya, pusat asuhan itu menyediakan khidmat tiga pengasuh terlatih dengan bayaran pendaftaran sebanyak RM70 manakala bayaran bulanan RM180 hingga RM250 dikenakan mengikut usia kanak-kanak.

"Kita jangkakan bilangan kanak-kanak yang akan ditempatkan di taska ini meningkat sekitar Mei nanti dan menjelang hujung tahun ini, bilangan mereka mungkin akan mencapai 30 orang," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Menurut beliau, penubuhan taska tersebut yang diilhamkan oleh isteri Ketua Polis Negara itu mengandungi kemudahan lima buah bilik, dua tandas dan dilengkapi dengan bilik audio serta video.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0413&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm